



**KEMENTERIAN PERLADANGAN DAN KOMODITI
MALAYSIA**

KENYATAAN MEDIA

**KPK PERINCIKAN PELAKSANAAN PENINGKATAN ADUNAN BIODIESEL B10
KEPADA B15 BERMULA 1 JUN 2026: RANGKAIAN BEKALAN DAN STESEN MINYAK
BERSEDIA SEPENUHNYA**

Kementerian Perladangan dan Komoditi (KPK) telah melaksanakan semua proses libat urus teknikal bersama syarikat-syarikat petroleum bagi memastikan rantai bekalan, logistik, dan infrastruktur di depoh-depoh adunan bersedia sepenuhnya untuk pelaksanaan peningkatan adunan biodiesel B10 kepada B15 yang akan berkuat kuasa secara rasmi bermula 1 Jun 2026.

Peralihan kepada B15 ini membuktikan kesediaan infrastruktur dan kejuruteraan serta teknologi dalam negara untuk menyokong agenda tenaga boleh baharu, sekali gus memberi isyarat jelas komitmen Malaysia untuk mengoptimumkan penggunaan minyak sawit bagi sektor tenaga domestik tanpa menjejaskan bekalan pasaran eksport.

Kadar adunan baharu ini dilancarkan menerusi mekanisme yang diselaraskan melalui Jawatankuasa Peringkat Tinggi (HLC) Biobahan Api. Pelaksanaan inisiatif ini dapat mengurangkan kebergantungan import diesel petroleum, memanjangkan stok bekalan sedia ada, menstabilkan harga CPO domestik dan mengurangkan pelepasan karbon sektor pengangkutan, sejajar dengan hasrat Dasar Agrikomoditi Negara (DAKN) dan Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR).

Bagi peringkat penguatkuasaan, KPK kini bekerjasama rapat dengan Kementerian Kewangan, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) serta Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM). Inisiatif penerangan awam pula diselaraskan bersama Kementerian Komunikasi bagi memastikan maklumat yang tepat sampai kepada pengguna.

DR. NORAINI AHMAD
MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI

13 Mei 2026